

ISININ • 24.07.2017

FORUM

SMS/MMS

UTUSAN MALAYSIA

Taip UTUSAN - Berita Umum
CELKOM hantar ke **23233**
MAXIS hantar ke **23282**

Taip ON UTUSAN - Berita Umum
DIGI hantar ke **2000**
 Taip ON NW UTUSAN - Berita Umum
UMOBILE hantar ke **28118**

Caj RM1.50
 perhimpitan atau
 SMS sebanyak
 100. Untuk bantuan sila
 hubungi HELPLINE
 di 03-7875 1134

Hantar aduan/cadangan/
 pendapat/ gambar melalui:

Surat • Pengarang (ruangan Forum)
 Utusan Melayu (M) Berhad,
 No. 44, Jalan Utusan,
 Off Jalan Chan Sow Lin,
 55200 Kuala Lumpur.
 Faks • 03-92227876/92220911
 E-mel • forum@utusan.com.my

PBT ambil mudah masalah anjing liar

SAUDARA PENGARANG.

KEBELAKANGAN ini beberapa isu melibatkan anjing berlaku di negara kita khususnya kes anjing gila (rabies), wanita Islam suka membela anjing dan seorang peniaga dikesan menjual daging anjing sejak berpuluh tahun lalu.

Paling menakutkan adalah kes rabies yang sudah meragut nyawa empat kanak-kanak di Sarawak sementara seorang lelaki berusia 52 tahun baru disahkan positif virus tersebut selepas digigit anjing awal Mei lalu.

Susulan gejala seperti lemah anggota kaki, kebas, sakit belakang dan kebingungan pada 11 Julai lalu mendorong lelaki tersebut mendapatkan rawatan sebelum disahkan positif virus rabies.

Bukan sahaja di Sarawak, Perak juga melaporkan dua kanak-kanak disyaki telah dijangkiti rabies dan kini dalam pemantauan disebabkan virus tersebut mengambil masa beberapa bulan untuk menimbulkan gejala serius yang boleh membawa maut.

Walaupun bilangan kes ini kecil, orang ramai mudah panik dan takut memandangkan kebarangkalian untuk hidup kurang 10 peratus selepas gejala jangkitan muncul, ditambah pula haiwan liar penyebar rabies banyak berkeliaran.

Virus ini disebarkan haiwan 'berdarah panas' khususnya mamalia malah ada kes melibatkan jangkitan bawaan haiwan 'berdarah sejuk' seperti

Lelaki 52 tahun kelima positif rabies di Sarawak

Oleh ANGELINA SIRYANG
 pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 23 JULAI

WARAK rabies atau anjing gila yang sudah membunuh empat kanak-kanak di Sarawak setakat ini, turut menjangkiti golongan dewasa apabila seorang lelaki berusia 52 tahun disahkan positif virus itu hari ini.

Kerusi Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, individu tersebut digigit oleh seekor anjing liar di kawasan

Individu kelima yang dijangkiti itu berasal dari Kampung Remun, Serian iaitu antara kampung yang disyitiharkan dalam kawasan wabak sebelum ini.

NOOR HISHAM ABDULLAH
 Ketua Pengarah Kesihatan

Remun, Serian iaitu kawasan yang dijangkiti rabies.

KERATAN akhbar Utusan
 Malaysia 20 Julai 2017

reptilia.

Di kawasan pedalaman dan luar bandar mungkin risiko jangkitan tinggi daripada gigitan haiwan liar khususnya kelawar tetapi penularan rabies di kawasan bandar dan pekan banyak melibatkan haiwan peliharaan mahupun anjing dan kucing liar.

Persoalannya, kenapa selepas 60 tahun negara merdeka, masalah haiwan liar khususnya anjing di kawasan bandar masih gagal ditangani pihak berkuasa tempatan (PBT)?

Rasanya sudah berbuih mulut orang ramai mengadu mengenai anjing liar di semua kawasan perumahan dan premis perniagaan tetapi PBT yang bertanggungjawab masih 'buat peka' sehinggalah berlakunya kes serius seperti orang terbunuh atau penyakit berjangkit disebabkan haiwan liar.

Lihat sahaja stesen-stesen

MRT yang baru dibuka, penuh dengan anjing liar yang mungkin ditinggalkan pekerja asing yang membelanya selepas mereka berpindah ke lokasi projek lain atau pulang ke negara asal.

Adakah pihak PBT mengharapkan pengurusan stesen MRT menangkap anjing-anjing liar ini?

Jika berlaku penularan rabies di bandar-bandar utama, perkara pertama akan berlaku dalam kalangan pihak berwajib adalah menuding jari antara satu sama lain tetapi jika dari awal masalah haiwan penyebar virus itu diselesaikan rakyat negara ini tidak perlu bimbang digigit dan dijangkiti rabies.

Di Selangor dan Kuala Lumpur contohnya dicanangkan ada peraturan mewajibkan mendaftar membela anjing tetapi rata-rata rumah yang ada haiwan tersebut tiada lesen untuk memelihara.

Ini menyebabkan tiada

Bukan sahaja di Sarawak, Perak juga melaporkan dua kanak-kanak disyaki telah dijangkiti rabies dan kini dalam pemantauan disebabkan virus tersebut mengambil masa beberapa bulan untuk menimbulkan gejala serius yang boleh membawa maut.

pemantauan terhadap kesesuaian spesies anjing dibela malah kesihatan haiwan tersebut diabaikan dan lebih malang boleh dibuang tuannya pada bila-bila masa, di mana sahaja.

Menjadi tugas PBT untuk menguatkuasakan lesen membela anjing malah tanggungjawab mereka juga memastikan anjing liar ditangkap sekurang-kurangnya untuk dimandulkan selain memeriksa tahap kesihatan haiwan tersebut.

Rekod lesen pemilih juga akan memudahkan PBT dan Jabatan Veterinar memantau mereka yang membela anjing khususnya mengelakkan mereka membuang haiwan tersebut sesuka hati, mendera atau tidak menjaga kesihatannya secara berkala.

MOHD. KHALID
 Gombak, Selangor

Motosikal masih melawan arus

SAUDARA PENGARANG,

SAYA teramat kecewa dengan sikap penunggang motosikal yang masih memasuki Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (Duke) secara melawan arus dari Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak).

Walaupun bilangannya jauh lebih rendah berbanding sebelum Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membina pembahagi dan penghadang jalan tetapi masih membimbangkan.

Saya sendiri hampir melanggar dua buah motosikal melawan arus ketika keluar dari Duke ke Jalan Sultan Yahya Petra melalui Laluan Memandangkan

pembahagi dan penghadang jalan DBKL juga tidak berkesan, saya mohon pihak berkuasa khususnya polis menempatkan anggota di laluan tersebut atau memasang kamera.

Langkah ini juga dapat memastikan tiada anggota beruniform yang terlibat dengan budaya songsang ini kerana Jalan Sultan Yahya Petra juga menempatkan pusat latihan polis dan juga ibu pejabat Kementerian Pertahanan.

Saya harap tiada lagi yang memandu melawan arus khususnya di laluan tersebut selepas ini.

MYVI BIRU
 Kuala Lumpur

Keliru garisan lorong memandu

SAUDARA PENGARANG,

SAYA mohon Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau pihak berwajib menguruskan jalan raya khususnya di hadapan Balai Bomba Jalan Tun Razak agar melukis semula garisan lorong memandu yang sangat mengelirukan.

Sebelum ini, garisan lorong memandu di jalan tersebut diubah beberapa kali bagi menyediakan lencongan ketika beberapa kerja pembinaan dijalankan.

Namun, selepas sekian lama kerja pembinaan tamat, jalan tersebut dibiarkan penuh dengan garisan lorong yang bertindih sehinggalah pemandu sukar menentukan mana satu lorong sebenar.

Ini menyebabkan kereta hampir berlanggar sesama sendiri malah membahayakan penunggang motosikal yang mencelah di antara kenderaan lain.

Saya mohon pihak berwajib sama ada menurap semula atau sekadar 'memadam' semua garisan bertindih itu dan melukis kembali garisan memandu yang jelas supaya tiada yang keliru dan mengubah lorong secara berbahaya."

Saya mohon pihak berwajib sama ada menurap semula atau sekadar 'memadam' semua garisan bertindih itu dan melukis kembali garisan lorong memandu yang jelas supaya tiada yang keliru dan mengubah lorong secara berbahaya.

RIDER KENTAL
 Kuala Lumpur